

## **BAB 5**

### **MASA DEPAN ALTERNATIF UNIVERSITI DI MALAYSIA**

#### **5.1 Pendahuluan**

Penelitian terhadap semua senario yang mungkin wujud berdasarkan empat aspek, iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan, aspek sistem ekonomi global dan persekitaran dan cara hidup, menjurus kepada satu persamaan yang jelas. Persamaan ini termasuklah peningkatan mutu dan nilai kehidupan manusia melalui penjana pertumbuhan ekonomi berteraskan penerokaan, percambahan dan penggunaan ilmu pengetahuan serta kemampuan intelektual yang tinggi. Konsep ini telah memungkinkan satu bentuk senario alternatif dibentuk, yakni senario yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai teras keutuhan dan pertumbuhan ekonomi yang dampaknya telah meningkatkan mutu kehidupan dan kesejahteraan manusia sejagat serta menyumbang kepada kesejahteraan alam semesta. Senario alternatif yang terhasil bolehlah dikategorikan sebagai planet sejahtera (prosperity planet), perniagaan intelek (brain business) dan MoHE Inc.

#### **5.2 Planet Sejahtera**

Senario alternatif ini disandarkan kepada hasrat untuk mewujudkan suatu keadaan yang sempurna dan seimbang dalam kehidupan manusia, dengan menitikberatkan usaha menjana kekayaan melalui ilmu pengetahuan dan inovasi tetapi masih mengekalkan mutu kehidupan seperti kebebasan, keadilan, pengagihan kekayaan yang saksama, kelestarian alam persekitaran dan nilai budaya unggul manusia. Keadaan ini bolehlah diterjemahkan dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) Sistem pendidikan tinggi yang dijana oleh pasaran dan permintaan semasa dengan sifat yang lebih sejagat untuk keperluan masa depan manusia dan alam semesta. Sistem pendidikan terdahulu dicorakkan oleh nasionalisme tetapi sistem pendidikan hari muka dipengaruhi oleh arus globalisasi.

- (b) Penglibatan teknologi moden dan canggih dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan akan menjadi lebih signifikan. Teknologi yang novel dan baharu akan menjadi penggerak kepada dinamisme sistem pengajian tinggi yang seterusnya akan menganjak pula asas sistem ekonomi kepada ekonomi yang berteraskan pengetahuan dan inovasi tanpa berkompromi dengan nilai kesejahteraan kehidupan manusia.
- (c) Sistem pendidikan tinggi yang relevan ialah sistem yang bercorak interdisiplinari dan transdisiplinari dan bercirikan kemahiran menuturkan pelbagai bahasa moden dan antarabangsa.
- (d) Kelestarian ilmu ditentukan oleh komuniti, sama ada pada peringkat tempatan atau antarabangsa dan ilmu tersebut terus segar-bugar dan relevan serta dapat dimanfaatkan sepanjang zaman.
- (e) Kelenturan dalam pemerolehan ilmu pengetahuan akan lebih menyerlah dan akses kepada pendidikan menjadi lebih mudah akibat desakan yang lebih kuat supaya semua sistem pendidikan mendapat akreditasi dan pengiktirafan pada peringkat antarabangsa. Hal ini demikian kerana planet bumi sudah menjadi perkampungan global.
- (f) Peningkatan dalam mutu dan taraf kehidupan manusia berdasarkan penggunaan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi tetapi pada masa yang sama, masalah kemiskinan dan kemelataan global akan terus mendesak dan memerlukan penyelesaian moden.
- (g) Tuntutan paling jelas masyarakat dalam ekonomi berteraskan pengetahuan ialah pendidikan dan penyelidikan sepanjang dan seluas hayat yang bermatlamat untuk dimanfaatkan oleh masyarakat bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang terkini kerana sifat ilmu itu yang menjadi usang dengan cepat.
- (h) Penglibatan birokrasi daripada pihak kerajaan dan pengaruh politik akan menjadi sejarah kerana sistem pendidikan tinggi yang akan bermandiri ialah sistem yang memberikan autonomi yang muktamad kepada IPT untuk menentukan hala tuju hal ehwal akademik dan tadbir urus mereka.

- (i) Tadbir urus dalam pendidikan dan penyelidikan akan berorientasikan amalan pentadbiran korporat yang baik agar tahap kecekapan, integriti dan akauntabiliti dapat dipertingkatkan dengan berkesan.
- (j) Pendidikan tinggi akan menjadikan industri dan komuniti bukan sahaja sebagai pemegang taruh tetapi juga rakan kongsi sebenar kerana industri serta komunitilah yang akan mencorakkan keperluan dan kepentingan strategik pendidikan tinggi dalam proses globalisasi.
- (k) Suruhanjaya pendidikan tinggi akan diwujudkan untuk mengawal selia sistem pendidikan tinggi agar sistem ini terus mendapat kepercayaan awam. Suruhanjaya tersebut juga akan berperanan untuk menanda aras IPT dengan pemain luar agar wujudnya gelanggang yang searas dalam perniagaan pendidikan di samping memastikan kepentingan umum sebagai pemegang taruh terus dipelihara dalam pendidikan tinggi.
- (l) Sistem pendidikan tinggi akan mengutamakan agenda masa depan dunia dalam penawaran program akademik dan penyelidikannya, terutama sekali yang melibatkan penyelidikan dan pendidikan tentang isu alam sekitar, seperti pemanasan global dan usaha yang bersepadu dalam pemuliharaan alam sekitar. Kemunculan era bioekonomi akan menjadi agenda besar dalam sistem pendidikan tinggi dan disiplin utama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan di universiti.
- (m) Planet sejahtera juga bermatlamat untuk menghapuskan kemiskinan, mengurangkan jurang keberadaan dan menyuburkan demokrasi, keadilan dan hak asasi manusia, walaupun proses globalisasi akan terus melebarkan jurang kemiskinan dan taraf hidup global. Keadaan ini juga akan mewujudkan suatu perbezaan dalam struktur masyarakat yang memerlukan usaha merekayasa sistem sosioekonomi dengan penyelesaian moden.
- (n) Konsep kewarganegaraan global diperkenalkan dengan melenyapkan batasan geografi, warna kulit, kepercayaan dan kebudayaan. Konsep sebegini membolehkan ilmu pengetahuan bertukar tangan mengikut pemilik sesuatu kepakaran berdasarkan bakat dan keupayaan inteleknya.

- (o) Ketegangan dan konflik akibat perubahan keadaan dan keperluan sistem pendidikan dan sosioekonomi masyarakat akan berlaku walaupun secara dingin dan tidak begitu terbuka.

### **5.3 Perniagaan Intelek**

Konsep perniagaan intelek membawa maksud individu yang berilmu pengetahuan, pintar dan kreatif atau individu yang bijaksana. Individu ini menjadi aset kepada dunia pendidikan dan negara kerana keupayaan intelektualnya yang dapat digunakan dalam penciptaan dan inovasi moden dan baharu yang amat penting dalam pertumbuhan sesebuah ekonomi. Golongan ini akan dikenali sebagai pekerja berilmu dan mereka bukan sahaja akan menjadi aset kepada sesebuah perniagaan tetapi juga menjadi kapitalis baharu atau kaum pemodal kerana kekayaan mereka yang terhasil daripada inovasi dan penyelidikan akan menjadikan mereka golongan yang kaya-raya. Sistem pendidikan masa hadapan akan menyaksikan IPT terlibat secara langsung dan aktif dalam perdagangan dan perniagaan pekerja berilmu dan pemilik-pemilik ilmu inilah yang akan menjadi penentu kepada mandiri planet ini dan kesejahteraan alam semesta. Dalam perniagaan intelek ini, modalnya ialah ilmu pengetahuan, kreativiti dan kemahiran seseorang. Masyarakat dalam sistem ekonomi berasaskan pengetahuan ini akan memandang tinggi kedudukan seseorang yang memiliki ilmu dan bijaksana kerana pengaruh mereka dalam masyarakat dan sumbangan mereka kepada kepentingan ekonomi sesebuah negara. Senario perniagaan intelek ini dicirikan dengan kriteria-kriteria berikut:

- (a) Tempoh perkhidmatan para ilmuwan, sarjana, pemikir dan pekerja berilmu tiada had masa dan umur, selagi mereka boleh meneroka ilmu pengetahuan baharu dan menyumbangkan sesuatu kepada inovasi dan penciptaan yang dapat dimanfaatkan oleh manusia sejagat. Perkhidmatan mereka akan terus dihargai dan mempunyai nilai yang tinggi pada mata masyarakat kerana sumbangan strategik mereka kepada pembangunan dan kemajuan negara.
- (b) Mobiliti ahli akademik dan sarjana antara IPT, industri dan kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan lebih mudah dan hidup kerana kepakaran mereka akan menjadikan mereka memiliki kuasa tawar-menawar dengan mana-mana institusi yang memerlukan kepakaran mereka. Mereka tidak mempunyai rasa taat setia kepada institusi tempat mereka berkhidmat dan tidak terikat kepada mana-mana organisasi. Mereka ialah modal

yang sangat tinggi nilainya kepada sesebuah universiti dan organisasi yang berorientasikan ilmu.

- (c) Kebebasan akademik adalah kudus dan sangat penting kepada sarjana dan tenaga akademik. Mereka sangat menjunjung kebebasan sebagai hak asasi yang harus dihormati dan hal ini akan menjadikan penerokaan ilmu dan penyelesaian semua masalah akan menjadi lebih terbuka, kritis, kreatif dan sentiasa hidup.
- (d) Kelenturan dalam sistem pendidikan yang didasari oleh prinsip-prinsip seperti kebebasan akademik dan kecemerlangan akan menarik ramai pekerja berilmu yang berbakat serta pintar daripada pelbagai latar belakang dan negara. Oleh sebab sifat antarabangsa perniagaan intelek ini, maka sistem pendidikan tinggi harus berubah sifatnya untuk menerima dan mengurus kepelbagaian. Hal ini akan menjadi penyumbang kepada kekuatan bersandarkan kepelbagaian di IPT dari segi populasi pelajar, kemahiran dan kepakaran ahli akademik dan program yang ditawarkan.
- (e) Tenaga kerja universiti yang menjadi aset penting pertumbuhan ekonomi negara akan memberikan lebih penekanan kepada usaha mengembangkan potensi dan bakat setiap warga universiti. Pengurusan universiti pula akan mencari pendekatan terbaik untuk memastikan pengeksploitasian kemahiran dan ilmu mereka dioptimumkan serta menguntungkan semua pihak, terutama negara.
- (f) Sistem pendidikan yang berinovatif dan kreatif yang mengarah kepada pengkomersialan hasil penyelidikan akan menjadi ciri-ciri utama operasi sesebuah universiti masa depan.
- (g) Dana pembiayaan kerajaan akan berkurangan secara signifikan kerana pekerja berilmu yang dimiliki oleh IPT mampu menjana pendapatan berlipat kali ganda bagi membiayai keperluan pengoperasian, pengurusan dan aktiviti penyelidikan. Oleh hal yang demikian, universiti akan menjadi institusi yang berorientasikan keuntungan tetapi terus memikul tanggungjawab awam memberikan pendidikan dan ilmu kepada masyarakat.
- (h) Perniagaan intelek adalah buta kepada apa-apa juga diskriminasi jantina. Perniagaan ini adalah neutral gender dan bersifat uniseks. Kemampuan, keupayaan, ilmu dan integriti merupakan prasyarat untuk terlibat dalam perniagaan seumpama ini, bukan jantina.

- (i) Tidak ada hierarki dalam pentadbiran bagi organisasi yang mempunyai individu yang dinobatkan sebagai berilmu pengetahuan tinggi dan konsep keputusan yang dibuat secara sistem matriks diguna pakai. Hal ini demikian kerana semua orang adalah sebaya dan bukan subordinat kerana kemampuan dan keupayaan masing-masing sangat pelbagai.
- (j) Akibat kelenturan sistem pendidikan, potensi ekonomi pekerja berilmu, perniagaan intelek dan kebebasan akademik dalam pencarian dan penjanaaan ilmu, maka tugas asal seseorang ahli akademik telah berubah bentuk. Mereka bukan sahaja sarjana tetapi juga kaum pemodal yang kaya. Khidmat mereka diperlukan di mana-mana dalam apa-apa juga sektor ekonomi yang berteraskan ilmu. Perubahan dalam profesion seorang ahli akademik merupakan hasil pelaksanaan alternatif universiti pada masa depan.
- (k) Autonomi IPT yang dicapai hasil keupayaan menjana pendapatan melalui perniagaan intelek akan memberikan kebebasan kepada universiti untuk menentukan hala tuju IPT negara.
- (l) Sistem universiti bercirikan multiversiti, yakni universiti memainkan pelbagai peranan, seperti pusat penyelidikan, enjin pertumbuhan ekonomi, tempat memperjuangkan keadilan sosial dan kebebasan hak asasi dan pada masa yang sama menjadi khazanah negara yang kaya dan masyhur.
- (m) Pendidikan dan kemampuan ahli akademik atau pelajar bukan lagi dinilai oleh rakan atau kelompok sebaya mereka di universiti tetapi dinilai oleh kerajaan, pihak industri, sektor swasta, pertumbuhan dunia dan masyarakat global. Mereka akan dinilai bukan sahaja berdasarkan timbunan artikel yang ditulis, tetapi berdasarkan impak ilmu dan keserjanaan mereka dalam penyelesaian masalah kemanusiaan.
- (n) Hak milik intelektual akan menjadi sangat penting dan berharga berdasarkan ciri-ciri berikut:
  - (i) Penemuan baharu atau hasil penyelidikan bukan milik peribadi penyelidik tetapi harus dimanfaatkan oleh masyarakat.
  - (i) Hak milik intelektual lebih dihargai kerana nilai ekonominya dan diraikan kerana kepentingannya strategiknya.

- (i) Takrifan untuk hak milik intelektual pada masa ini tidak sesuai, perlu dicabar dan ditakrifkan semula secara berterusan.
  
- (o) Ahli akademik dan sarjana akan menjadi kaum kapitalis baharu kerana ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh mereka memungkinkan mereka menjadi hartawan melalui penajaan ilmu pengetahuan, penyampaian, perkongsian dan pertukaran ilmu dan hasil penyelidikan. Mereka akan mempunyai pengaruh yang besar dalam pelaburan dana amanah, malah mampu mengubah cara pembiayaan skim persaraan moden.
  
- (p) Ilmu pengetahuan, idea, teknologi dan program akademik mudah diperolehi di mana-mana dan bebas dipelajari dan diamalkan oleh masyarakat sejagat kerana semua unsur ini telah didemokrasikan.
  
- (q) Ilmu pengetahuan menjadi sangat dinamik, sentiasa diperbaharui dan diperkukuh. Sesuatu ilmu juga boleh berubah, ditambah dan disesuaikan mengikut keperluan semasa dan masa depan yang terdekat.
  
- (r) Kelahiran perniagaan intelek ini akan mendorong pelaburan yang tinggi daripada kerajaan dan pemegang taruh demi mengukuhkan pendidikan dan penyelidikan bidang sains, matematik dan teknologi. Pelaburan ini merupakan satu strategi yang penting untuk memastikan kelestarian pertumbuhan ekonomi, khususnya ekonomi yang berteraskan pengetahuan.
  
- (s) Perniagaan intelek akan terus mementingkan nilai-nilai seperti etika, kebebasan meneroka, debat yang terbuka dan kritikan terhadap penemuan ilmu baharu kerana nilai-nilai ini penting untuk mengukuhkan sesuatu disiplin ilmu itu. Nilai seperti integriti, ketelusan dan bertanggungjawab amatlah dititikberatkan dalam masyarakat moden dan berilmu.
  
- (t) Perniagaan intelek ini harus beroperasi dalam arena perdagangan dan perniagaan yang terikat dengan peraturan global, seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia, Perjanjian Perdagangan Bebas Multilateral dan Bilateral serta patuh kepada perundangan domestik. Ahli akademik, sarjana dan pemikir universiti ialah usahawan moden yang bergerak secara global dengan hanya bermodalkan ilmu dan kemahiran mereka.

#### **5.4 MoHE Inc.**

Kerajaan yang berdaulat ialah kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyatnya. Bagi memastikan kepentingan rakyat dapat dipelihara, penyaluran pendidikan haruslah menjadi tanggungjawab kerajaan. Oleh itu, kerajaan membuat pelaburan yang besar untuk pendidikan, sama ada pendidikan rendah, menengah mahupun pendidikan tinggi untuk memastikan tiada anak muda yang tercicir dalam proses globalisasi. KPT telah ditubuhkan kerana kerajaan merasakan bahawa pendidikan tinggi amatlah strategik dan penting dalam menjadikan Malaysia negara perdagangan yang berdaya saing. KPT merupakan agensi utama yang mempunyai pengaruh besar yang menjadi penentu perjalanan operasi sistem pendidikan di Malaysia. Buat masa ini KPT menjadi pengawal yang menentukan dasar-dasar utama dan mengawal selia perjalanan pendidikan tinggi melalui ketetapan yang dibuat berhubung dengan program akademik dan bidang pengajian yang ditawarkan. Isu yang berkaitan dengan program akademik, kemasukan pelajar, perjawatan dan hal ehwal tadbir urus, terutama pelantikan jawatan utama pengurusan tertinggi universiti sekarang ini terletak dalam bidang kuasa KPT.

Melalui kewujudan KPT, telah wujud trend yang menunjukkan bahawa hampir setiap urusan universiti perlulah mendapat kata putus KPT. Oleh itu, KPT kini wujud sebagai satu organisasi yang kompleks yang melibatkan pelbagai jawatan pengurusan yang tidak diperlukan kerana bidang kuasa tersebut berada dalam kuasa universiti dan IPT sebagai badan berkanun. Rasional bahawa KPT wujud untuk mengawal selia IPT tidaklah bermakna bahawa setiap aspek pengurusan dan keputusan IPT harus mendapat persetujuan KPT. KPT harus bertindak sebagai badan penyelarasan dasar-dasar penting pendidikan tinggi agar dasar-dasar tersebut selari dan diterjemahkan melalui IPT yang ada, bukannya bertindak untuk mengurus secara mikro IPT.

Keadaan yang kompleks ini telah menyebabkan wujudnya campur tangan yang membimbangkan dalam urusan harian IPT dan menambah kerenah birokrasi yang secara langsung menghalang kreativiti, keterbukaan dan kemajuan dalam kalangan staf akademik dan penyelidik di IPT. Pengurusan universiti dan ahli akademik perlulah diberi peluang untuk menentukan hala tuju sebenar sesebuah universiti agar universiti tersebut bebas dan mampu bersaing dengan jayanya pada peringkat nasional dan antarabangsa. Yang paling penting, universiti di Malaysia perlu menunjukkan kelainan untuk memastikan universiti tersebut boleh diiktiraf sebagai universiti yang mempunyai kekuatan dalam memberi saingan sehingga ke

peringkat global. Konsep ini selari dengan konsep autonomi dan kebebasan akademik sesebuah institusi pendidikan, walaupun hakikatnya autonomi atau kebebasan akademik mutlak hanyalah satu mitos.

Melihat trend sistem pendidikan dan universiti di negara maju serta keperluan masa hadapan, senario MoHE Inc. yang dicadangkan sebagai salah satu alternatif ini bertujuan untuk mengurangkan kekangan yang wujud dalam kerenehan birokrasi. Senario ini juga berfungsi untuk membebaskan sistem pendidikan tinggi daripada campur tangan kerajaan yang keterlaluan yang membantutkan pembangunan sistem pendidikan tinggi bertaraf dunia dan progresif.

Analisis terhadap kesan senario alternatif ini menunjukkan bahawa akan wujud impak yang negatif dan positif dalam pelaksanaannya. KPT harus dianggap sebagai pemudah cara dalam penyelarasan dasar-dasar pendidikan tinggi IPT. Penyelarasan ini membolehkan IPT memfokuskan tugasnya kepada usaha menterjemahkan aspirasi negara, yakni untuk menjadi negara maju dan mengukir kecemerlangan, sama ada pada peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Oleh hal yang demikian, KPT masih relevan dalam konteks semasa tetapi mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu diubahsuai. Tugas utama KPT adalah untuk merangka dasar dan strategi utama bagi mencapai visi dan misi negara dalam pendidikan tinggi yang menjadi penjana modal insan yang unggul.

Walau bagaimanapun, kepimpinan IPT dalam negara masih belum begitu berwibawa dan oleh itu banyak perkara yang bukan sepatutnya menjadi keutamaan sesebuah universiti diberikan perhatian berlebihan. Begitu juga aspek pengurusan yang kadang-kadang berkompromi dengan amalan pengurusan yang baik seperti integriti, akauntabiliti dan ketelusan memerlukan KPT menjadi pengawal atur yang dapat meletakkan ukuran yang betul bagi memastikan IPT terus mendapat kepercayaan awam.

MoHE Inc. ialah senario alternatif yang dapat memastikan KPT terus relevan tetapi mempunyai had dari segi peranan yang akan dimainkannya:

- (a) KPT bertindak sebagai pengawal atur dan penggubal dasar bagi memastikan wujudnya penyelarasan, perjalanan dan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan tinggi negara. Pada masa tertentu KPT harus bertindak untuk memastikan wujudnya keselarasan dasar antara dasar pendidikan tinggi dengan dasar negara yang lain, seperti dasar pelajaran

negara untuk sekolah rendah dan menengah, dasar sumber manusia negara, dasar sains dan teknologi, dasar pembangunan masyarakat dan keluarga, dasar keselamatan dan imigresen, perjawatan dan lain-lain. Peranan ini penting untuk memastikan dasar pendidikan tinggi tidak dilaksanakan secara terpencil daripada strategi dan dasar pembangunan negara secara menyeluruh. Universiti pula hendaklah akur dengan ketetapan yang dibuat oleh KPT berkenaan dasar agar aspirasi pembangunan negara dapat dijayakan bersama-sama secara strategik.

- (b) KPT juga harus berperanan sebagai pemangkin untuk memperkukuh usaha universiti, yang menjadi enjin pertumbuhan ekonomi, mendapatkan peruntukan munasabah daripada kerajaan untuk membangunkan prasarana pengajaran, penyelidikan dan pengkomersialan.
- (c) Pemintaan pasaran dan kepentingan pemiagaan intelek akan mengatasi peranan dan kepentingan KPT, malah akan mengurangkan pengaruh KPT dalam sistem pendidikan tinggi.
- (d) Melalui pendapatan yang dijana oleh IPT, khususnya IPTA menerusi aktiviti perniagaan inteleknya, peruntukan daripada kerajaan akan dapat dikurangkan secara berperingkat-peringkat sehingga IPT dapat bermandiri. Oleh hal yang demikian, universiti perlu memikirkan semula peranannya kerana universiti akan menjadi lebih berdikari.
- (e) Struktur pentadbiran IPT juga akan berubah selaras dengan peredaran masa apabila Lembaga Pengarah Universiti akan menjadi badan pembuat dasar, pentadbiran dan pengurusan sesebuah universiti. Hal ini bermakna, IPT akan bergerak seperti sebuah badan korporat yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah Universiti.
- (f) MoHE Inc. bermungkinan menjadi tidak relevan apabila keseluruhan jentera penjana kewangan telah berjaya dan universiti akan menentukan sepenuhnya hala tuju pentadbiran, akademik dan penyelidikan yang ingin dicapai selari dengan perkembangan pendidikan tinggi pada peringkat global.

Kebaikan yang akan dilihat hasil senario MoHE Inc. ialah:

- (a) Universiti awam akan dimantapkan dan perhatian akan diberikan kepada pengukuhan universiti. Universiti kecil yang menunjukkan pertindihan dalam penawaran kursus berkemungkinan akan digabungkan. Ahli akademik dengan kepakaran tertentu akan disatukan untuk menjadi pasukan yang teguh dengan pelbagai latar belakang dan tujuan mewujudkan bidang kekuatan dalam bidang tertentu.
- (b) Peruntukan untuk IPTA tidak lagi datang daripada KPT atau KPT bukan menentukan atau bertanggungjawab dalam pengagihan peruntukan. Peruntukan untuk pengurusan IPTA datang daripada Kementerian Kewangan. Hal ini akan dapat mengurangkan tahap birokrasi yang menjejaskan perancangan IPTA yang mempunyai autonomi dalam isu akademik dan perjawatan, malah kewangan.
- (c) Konsep autonomi yang diberikan kepada IPTA membolehkan universiti menentukan hala tuju dan perancangan akademik. Oleh itu, kawalan daripada KPT akan dikurangkan. KPT akan menumpukan tugasnya dalam menentukan urusan hubungan antarabangsa atau urusan perkhidmatan yang boleh memudahkan tadbir urus di universiti awam.
- (d) Melalui proses liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan perdagangan, KPT akan memberikan perhatian yang lebih untuk mengawal atur pembekal asing dan swasta pendidikan tinggi. Hal ini dilaksanakan untuk memastikan bahawa pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh pembekal asing dan swasta ini mendapat kepercayaan umum dan memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa.
- (e) KPT akan menjadi penggalak untuk menjayakan usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi antarabangsa.
- (f) Sektor pendidikan tinggi swasta akan berkembang pesat dan KPT harus menjadi badan pengawal atur untuk memastikan kepentingan pelabur dan klien terpelihara. KPT akan menjadi seperti Suruhanjaya Sekuriti yang mengawal selia perjalanan syarikat-syarikat awam. KPT akan bertanggungjawab dalam perkara seperti perlesenan, pendedahan,

pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif yang berwibawa, penguatkuasaan, audit dan perkara-perkara berkaitan tadbir urus yang baik.

- (g) KPT akan menjadi satu Suruhanjaya Pendidikan Tinggi bebas yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen Malaysia.

## **5.5 Pemberat dan Kekangan**

Dalam melaksanakan tiga senario alternatif di atas akan wujud kekangan yang mungkin menjadi penghalang untuk merealisasikannya. Penghalang utama ialah keengganan untuk melakukan perubahan dan pembaharuan dalam kalangan semua pemegang taruh dalam pendidikan tinggi yang melibatkan ahli akademik, pengurusan universiti ataupun KPT. Hal ini demikian kerana sebahagian besar alternatif universiti yang dicadangkan bersifat sangat drastik dalam kaedah pelaksanaan dan langkah transformasi yang diambil. Pada waktu yang sama, perubahan ini melibatkan kos yang tinggi, anjakan paradigma dan penstrukturan semula semua sektor dalam pengajian tinggi, sama ada pada peringkat staf akademik, universiti mahupun kementerian.

Bagi ahli akademik, akan wujud perubahan terhadap profesion mereka, yakni daripada sesuatu yang bersifat kebiasaan kepada sesuatu yang baharu dalam usaha untuk mencemerlangkan tradisi akademik dan universiti. Tanggungjawab yang lebih besar diperuntukkan kepada setiap ahli akademik. Dalam hal ini setiap ahli akademik bertanggungjawab memastikan IPT memainkan peranan yang lebih luas dan mereka pula bukan lagi hanya menjadi pensyarah institusi ilmu dengan peranan yang tradisional sifatnya. Antara kekangan dan cabaran yang dijangka akan dihadapi adalah dalam aspek berikut:

### **5.5.1 Politik**

Pendidikan tinggi negara tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh dan campur tangan politik. Dalam senario alternatif, pembinaan dan pengoperasian sesebuah universiti tidak mengambil kira peranan dan pengaruh politik. Universiti hanya akan mampu cemerlang jika usaha untuk menyah politik universiti dilakukan. Kuasa politik harus mendokong dan menyokong peranan universiti tetapi bukan menjadi penentu dasar universiti atau campur tangan mengurusnya. Segala pelaksanaan perancangan universiti mestilah dipertanggungjawabkan kepada pengurusan yang berwibawa dan dipilih secara telus. Universiti harus ditadbir urus secara bermoral dan penuh integriti kerana universiti merupakan pencorak tamadun bangsa. Oleh hal yang demikian, sistem pendidikan tinggi wajar ditentukan oleh para akademik dan sarjana yang lebih arif dalam membina sistem pendidikan yang berwibawa. Memisahkan politik daripada universiti ialah kekangan yang amat besar dan sukar dilakukan dalam sistem sosial kita yang terlalu patuh dengan kehendak dan kepentingan ahli politik. Oleh itu, kita memerlukan keazaman politik untuk membebaskan universiti daripada apa-apa pengaruh sempit politik dan ahlinya agar universiti yang akan terbina akan menjadi institusi masyarakat yang benar-benar berwibawa dan dihormati.

### **5.5.2 Peranan tradisi ahli akademik**

Peranan ahli akademik tradisi yang hanya menjadi pengajar di universiti kini menjadi sejarah. Ahli akademik harus melalui usaha transformasi dan memahami perubahan atau tuntutan baharu tentang peranan mereka di IPT. Peranan tradisi yang hanya menjana dan menyampaikan ilmu sudah berubah. Peranan ahli akademik sangat versatil sifatnya dan merangkumi aspek penasihat akademik, penyelidikan, perundingan, keusahawanan dan perniagaan. Pendekatan yang akan diambil dalam penyampaian ilmu juga akan berubah. Dalam hal ini, ahli akademik perlu melibatkan diri dengan penggunaan teknologi. Kemahiran dalam pengendalian teknologi perlu menjadi kekuatan kepada ahli akademik. Penyelidikan pula harus menjadi teras tugas ahli akademik kerana hasil penyelidikan akan menjadi bahan pengajaran utama dan sumber pengetahuan terkini. Corak pembelajaran yang menjurus kepada kelahiran pelajar berkemahiran dan berbudaya tinggi juga menghendaki ahli akademik agar sentiasa melengkapkan diri dengan perkembangan dan perubahan teknologi. Penjana kewangan dan perundingan menjadi tugas penting para akademik dan keutamaan kepada program yang mempunyai nilai komersial menjadi saingan utama kepada kursus yang

mengutamakan nilai kemanusiaan. Peranan tradisi tidak lagi sesuai dan hal ini menjadikan universiti bukan lagi menara gading tetapi pusat unggul dalam penyebaran dan pemerolehan ilmu pengetahuan terkini dan yang bernilai tambah. Dalam masa yang sama, universiti harus memainkan peranan sebagai penggubal agenda kepada masyarakat dan negara. Universiti harus berupaya memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat dengan menyumbangkan sesuatu secara langsung untuk menyelesaikan masalah setempat dan global. Kemungkinan terdapat sekelompok ahli akademik yang tidak dapat memenuhi tuntutan tugas baharu seorang ahli akademik zaman moden ini akan menganggap konsep universiti baharu ini sebagai rintangan.

### **5.5.3 Peranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)**

KPT dianggap tidak lagi relevan dengan perubahan drastik yang berlaku ini dan usaha memikirkan semula peranan KPT haruslah dilakukan kerana usaha ini memberi banyak implikasi berantai. Universiti bukan hanya menjadi medan para cerdik pandai menjana dan menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga penentu perkembangan ilmu pengetahuan, keperluan guna tenaga negara dan pembangunan modal insan untuk negara. Di samping itu, universiti akan mencorakkan agendanya tanpa ditentukan oleh KPT. KPT hanya berperanan kecil, iaitu sebagai penyelaras dalam memastikan universiti tidak terlibat dengan aktiviti yang bertentangan dengan dasar, polisi atau isu yang ada hubungan dengan bangsa, agama dan nilai masyarakat majmuk Malaysia. Peranan KPT dihadkan dan badan ini tidak lagi bertanggungjawab dalam menentukan dasar tadbir urus dan hal ehwal akademik sesebuah universiti. Perubahan peranan KPT daripada peranan semasa kepada peranan baharu yang mempunyai kuasa yang sangat terhad akan menjadi kekangan dalam pelaksanaan senario alternatif kerana keadaan ini pasti akan mendapat reaksi yang negatif daripada birokrat di pihak kerajaan.

### **5.5.4 Peranan sebuah universiti**

Peranan universiti akan berubah. Universiti bukan sahaja menjadi penjana ilmu pengetahuan, agen penyebaran dan tempat pembangunan modal insan, tetapi juga sebuah institusi korporat yang berdaya saing. Universiti juga akan dicirikan dengan keupayaan penyelidikan bermutu tinggi dan hasil penyelidikan ini akan dapat dikomersialkan dan didagangkan dalam memakmurkan sumber kewangan universiti dan menjadikan ahli akademik kaum pemodal.

Untuk memenuhi semua peranan baharu ini, universiti harus dilengkapi dengan sumber manusia yang berkemahiran tinggi, berjiwa keusahawanan di samping dapat menterjemahkan segala hasil penyelidikan kepada produk bernilai komersial. Prasarana yang mencukupi dari segi penggunaan teknologi selain prasarana penyelidikan, perlu dipertingkatkan. Struktur sistem tadbir urus pada peringkat universiti yang dinamik diperlukan. Universiti mesti lebih liberal dan mampu mengurus kepelbagaian. Perubahan yang besar ini kemungkinan menjadi halangan utama memandangkan tuntutan perubahan memerlukan komitmen yang tinggi dan melibatkan kos yang besar bukan sahaja dari segi kewangan, malah masa, tenaga dan keutamaan. Merekayasa peranan ahli akademik, fakulti, keperluan prasarana pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan bukanlah perkara mudah. Semangat pengkorporatan harus ditanam dalam setiap ahli akademik dan mereka perlu memahami bahawa klien mereka, iaitu pelajar, penyelidik pihak industri, sektor swasta, kerajaan dan masyarakat menuntut mereka berfikir dan bertindak di luar kotak.

#### **5.5.5 *Penglibatan antarabangsa***

Sistem pendidikan tinggi yang berwibawa dan berdaya saing memerlukan perspektif antarabangsa dalam semua aspek operasinya bagi membolehkannya mendapat pengiktirafan antarabangsa. Pengiktirafan atau pengakreditasi antarabangsa terhadap sistem pendidikan tinggi negara bertujuan untuk menguji tahap penerimaan masyarakat antarabangsa terhadap sesuatu program atau perancangan akademik, prasarana pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pendidikan. Pengiktirafan ini penting untuk membolehkan siswazah diterima bagi meneruskan pengajian pada peringkat ijazah tinggi di mana-mana universiti ternama dunia dan universiti menyediakan siswazah universiti tempatan untuk bersaing mendapatkan peluang pekerjaan dalam kerjaya kritikal pada peringkat global. Hal inilah yang merupakan cabaran yang akan dihadapi oleh universiti dan dengan pendekatan baharu ini mungkin universiti tempatan boleh diterima pada peringkat antarabangsa. Pengiktirafan global ini juga akan mewujudkan daya saing ekonomi menerusi penyediaan modal insan yang bermutu dan berdaya saing. Namun begitu, usaha untuk mendapatkan keyakinan antarabangsa bukanlah perkara yang mudah. Kekangan untuk memenuhi syarat kecemerlangan pada peringkat global merupakan cabaran penting bagi IPT di Malaysia.

### **5.5.6. *Impak sosial dan alam sekitar***

Perubahan dalam sistem pendidikan tinggi akan mengubah seluruh masyarakat. Dalam konteks di Malaysia, dengan penglibatan teknologi cara hidup masyarakat akan berubah kepada cara yang lebih moden. Cara hidup tradisi perlu diubah bagi memenuhi cabaran semasa. Hal ini akan menimbulkan kekhuatiran dalam masyarakat atau pemegang taruh kerana mereka berasa bimbang akan kesan kemudaratannya akibat perubahan yang baharu terhadap sistem nilai masyarakat. Keadaan menjadi lebih parah sekiranya unsur luaran diterima pakai dan budaya tempatan menjadi tidak relevan dan dipinggirkan. Kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar juga sudah menjadi agenda besar dalam masyarakat. Sistem pendidikan masa hadapan mesti menjadikan disiplin yang berorientasikan alam sekitar sebagai komponen penting dalam kurikulum universiti. Perkara ini bukanlah mudah dilaksanakan kerana disiplin komersial lebih mendapat tempat dalam pasaran jika dibandingkan dengan disiplin berkaitan alam sekitar.

### **5.5.7 *Penyalahgunaan teknologi***

Dalam membangunkan universiti alternatif ini, perkembangan dan penggunaan teknologi menjadi teras pembangunan universiti pada masa depan. Teknologi akan dibangunkan dan akan terus digunakan untuk memudahkan perjalanan dan pengoperasian kehidupan seharian masyarakat. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dan teknologi lain menjadi pelengkap rumah, selain organisasi perkhidmatan yang lain. Universiti dilihat sebagai tempat penjana teknologi baharu. Dalam era teknologi ini juga, amat mudah berlaku penyalahgunaan. Teknologi seharusnya digunakan untuk kebaikan, tetapi teknologi juga digunakan untuk merosakkan atau menjejaskan aktiviti ekonomi negara. Oleh itu, akan wujud persoalan sama ada perubahan sistem atau senario universiti alternatif ini akan mewujudkan teknologi yang seharusnya memberi faedah kepada manusia atau menjadi punca kerosakan nilai dan budaya manusia, alam sekitar dan mempengaruhi status ekonomi yang sihat. Dalam masa yang sama akan wujud masyarakat yang sangat bergantung kepada teknologi untuk meneruskan kehidupan. Persepsi seumpama ini mungkin menjadi penghalang kepada usaha untuk memajukan bidang sains dan teknologi dan menggunakan ilmu ini dalam kehidupan seharian.

#### **5.5.8. Kesan terhadap ekonomi negara**

Perubahan sistem pendidikan tinggi akan memberi kesan langsung terhadap ekonomi negara. Kesan utama berlaku kepada struktur, mutu, kuantiti dan tahap kemahiran modal insan yang dihasilkan oleh IPT. Sistem ekonomi kini bergantung kepada tahap kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Corak k-ekonomi sebegini akan memerlukan universiti menekankan kepentingan nilai intelek siswazah dalam memenuhi peluang pekerjaan yang disediakan. Keupayaan intelek dan kemahiran tinggi menjadi komoditi perniagaan yang penting. Di sini akan dapat dilihat perbezaan yang jelas antara masyarakat yang berilmu pengetahuan dengan yang kurang berilmu pengetahuan. Mereka yang berilmu pengetahuan akan berada pada kedudukan tinggi dalam masyarakat, manakala yang berpendidikan rendah akan menjadi lapisan kedua dengan tahap pendapatan yang jauh lebih rendah. Dalam jangka masa yang lama, akan wujud jurang antara masyarakat yang berilmu dengan yang tidak berilmu. Keadaan ini akan meningkatkan jurang antara masyarakat yang kaya dengan yang miskin. Kemiskinan yang berpunca daripada tahap pendidikan yang rendah akan sukar diatasi kerana keupayaan individu untuk mencari jalan penyelesaian menjadi terhad.

Akibat pengaruh faktor di atas akan wujud suatu bentuk pertelagahan keadaan, yakni antara satu suasana harmoni dalam negara dengan suatu keadaan percanggahan pendapat, minat dan keutamaan dalam kalangan masyarakat dan IPT. Dalam kebanyakan keadaan, wujud juga perbezaan kedudukan akademik dan universiti yang menimbulkan ketidakpuasan hati dan mungkin juga konflik.

Selain itu, akan wujud ketegangan dalam masyarakat yang tidak memahami matlamat sistem pendidikan tinggi. Sentimen tidak berminat kepada sebarang pembaharuan dan perubahan akan wujud dan bermulalah ketegangan.

Bagi universiti yang menekankan penglibatan manusia berdasarkan merit sudah pasti wujud sikap perbezaan yang mungkin melibatkan tamadun, kepercayaan agama dan etnik. Konflik seumpama ini bukan hanya terhad dalam negara tetapi juga berlaku pada peringkat antarabangsa.